



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YB HAJAH AIMAN ATHIRAH SABU
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM

PADA

26 FEBUARI 2023 (AHAD), JAM 4.00 PETANG

BERTEMPAT DI

**DEWAN AUDITORIUM CYBERVIEW 15
CYBERJAYA, SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera kepada hadirin hadirat sekalian.

SALUTASI

LAMPIRAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama untuk Program Wanita Bangkit @KPWKM anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN).
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada puan-puan yang hadir pada hari ini atas semangat yang diberikan untuk menjadi wanita hebat, Wanita Bangkit dengan menyertai Program Wanita Bangkit@KPWKM ini.
3. Saya dimaklumkan peserta yang hadir pada petang ini adalah seramai 300 orang dan saya amat gembira kerana kehadiran puan-puan di sini menunjukkan komitmen anda untuk memajukan diri serta mengorak langkah ke arah yang lebih cemerlang.

4. Alhamdulillah, suka saya mengumumkan bahawa puan-puan yang menyertai program pada hari ini akan menyertai kelompok besar 17,250 wanita lain yang telah mendapat manfaat bantuan MyKasih Kapital dan berjaya menjalankan perniagaan yang mereka ceburi sejak mula program Wanita Bangkit@KPWKM ini dilancarkan lagi.
5. Program Wanita Bangkit @KPWKM diilhamkan untuk membawa wanita untuk bangkit daripada kesukaran, bangun daripada rebah dengan menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan. Ia bertujuan untuk memperkasakan wanita di seluruh negara dengan melatih dan memberi sokongan kepada wanita untuk memulakan perniagaan sehingga mampu berdikari dari segi ekonomi, terutamanya Wanita yang hilang pendapatan, pencari nafkah utama atau ibu tunggal.
6. Program ini bertujuan untuk memperkasakan ekonomi kumpulan sasaran khususnya Wanita dengan mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

7. Di bawah program ini peserta akan diberikan insentif untuk memulakan penjanaaan pendapatan dengan modal kecil di dalam bidang e-dagang dan perniagaan secara kecil-kecilan yang tidak termasuk di bawah skim di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

8. Ia dilaksanakan menggunakan pendekatan *psychoeducation* melalui Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bagi meningkatkan kesedaran serta menggalakkan penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi kepada golongan wanita agar lebih bersedia untuk memulakan kehidupan yang baru akibat penceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi, peningkatan kos sara hidup atau hilang punca pendapatan kesan Pandemik Covid-19.

9. Peserta Program Wanita Bangkit @ KPWKM ini akan dinilai, dipantau dan mengikuti kursus oleh jabatan / agensi kerajaan seperti INSKEN, PERKESO serta perkongsian pengalaman dan tips daripada usahawan yang telah berjaya bagi mempersiapkan diri para peserta untuk menceburi bidang perniagaan.

10. Di sini saya ingin menyeru supaya peserta-peserta program ini dapat membantu wanita lain, mungkin dengan memberi peluang pekerjaan ataupun melalui perkongsian ilmu sesama sendiri.
11. Saya yakin, dengan sokongan puan-puan semua program Wanita Bangkit@KPWKM ini akan berjaya memartabatkan golongan wanita khususnya dalam aspek sosio-ekonomi seiring dengan enam tunggak MADANI yang menyasarkan kepada agenda penyelesaian masalah, memenuhi keperluan semasa, mencorak masa depan dan memenuhi potensi rakyat dan negara.
12. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Rakan Strategik YKN yang sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan YKN serta KPWKM dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi khususnya wanita.

Sekian, terima kasih.